

Peristiwa di sebalik penubuhan Malaysia wajar dihayati

BH (Rencana)
Khamis 19/9/13
Msi 29

Tanggal 16 September adalah istimewa buat rakyat Malaysia kerana kerajaan negara ini telah mengisytiharkan tarikh itu sebagai cuti umum. Persoalannya, adakah kita sebagai rakyat Malaysia hanya melihat hari berkenaan sekadar hari untuk bercuti tanpa memikirkan kenapa kita meraikannya.

Apakah pentingnya tarikh itu kepada rakyat Malaysia semua hingga kerajaan menjadikannya sebagai cuti umum? Buat generasi baru mungkin tarikh ini tidak membawa apa-apa erti kepada mereka disebabkan kurang pendedahan terhadap sejarah pembentukan negara bangsa.

Konsep Persekutuan Malaysia disarankan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam ucapan beliau kepada pemberita asing di Singapura pada 27 Mei 1961. Persekutuan Malaysia yang dicadangkan ialah merangkumi Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Konsep percantuman wilayah itu dalam Malaysia disokong oleh kerajaan Inggeris dan Singapura.

Antara faktor menyebabkan Tunku Abdul Rahman mengutarakan penubuhan Malaysia ialah disebabkan oleh faktor politik. Usaha ini dilakukan oleh Tunku untuk mempercepatkan kemerdekaan bagi Brunei, Singapura, Sabah dan Sarawak yang masih berada di bawah penjajahan British, membanteras komunis, mengekalkan keamanan dan kestabilan, mewujudkan keseimbangan kaum dan perpaduan kaum dan menguatkan kedudukan negara anggota pada peringkat antarabangsa.

Perkongsian warisan budaya dan bahasa

Dari segi ekonomi pula ialah bagi memajukan ekonomi serantau, kepentingan negara dan rakyat. Selain itu, penubuhan Malaysia juga disarankan bagi memupuk bangsa Malaysia dengan identiti yang baru berteraskan perkongsian warisan budaya dan bahasa.

Antara reaksi negara terbabit seperti Singapura di bawah pimpinan Lee Kuan Yew, pada peringkat awal sangat berminat dengan idea penubuhan Malaysia. Rakyat Singapura pada mulanya memberikan sokongan penuh, tetapi perubahan politik Singapura pada awal 1961 mengubah pendirian sebahagian rakyat Singapura.

Rakyat Brunei tidak sebulat suara untuk menyetujui penubuhan Malaysia. Walaupun sebahagian besar rakyat negeri itu ingin menyertai Malaysia, namun kebanyakan mereka lebih suka Brunei merdeka dengan sendiri terlebih dulu. Tentangan yang hebat datang daripada AM Azahari iaitu pemimpin Parti Rakyat Brunei. Azahari mempunyai rancangan sendiri untuk membawa Brunei ke dalam pertubuhan lain dengan bergabung dengan Borneo Utara British dan Sarawak di bawah nama Kalimantan Utara.

Sambutan penduduk di Sabah dan Sarawak terhadap idea penubuhan Malaysia amat menggalakkan. Di Tanah Melayu, walaupun sokongan terhadap konsep Malaysia lebih menyeluruh, ada juga pihak tertentu yang berlainan pendapat.

Kerajaan Indonesia menyatakan bahawa mereka tidak berminat mengenai penubuhan Malaysia. Indonesia mengemukakan langkah kerajaan Tanah Melayu mengenai penubuhan Malaysia, dan seterusnya menentang dengan menggunakan kekerasan terhadap Malaysia. Pada 20 Januari 1963, Dr Subandrio mengemukakan konfrontasi Indonesia terhadap gagasan Malaysia. Tentangan daripada Indonesia akhirnya meluas hingga timbul pertentangan tentera Indonesia dan Tanah Melayu, dan kemudian terhadap Malaysia.

“**Peristiwa penubuhan Malaysia memberi pengajaran kepada bakal pemimpin pada masa akan datang agar tidak mementingkan diri dalam segala hal, tetapi sebaliknya kepentingan semua pihak perlu diambil kira**”

Kerajaan Filipina tuntutan Sabah

Selain Indonesia, gagasan Malaysia juga kurang diminati kerajaan Filipina. Pada 1962, Filipina menuntut Sabah daripada kerajaan British. Menurut Filipina, Sabah atau Borneo Utara adalah sebahagian daripada Kesultanan Sulu. Oleh yang demikian, Sabah perlu dikembalikan kepada Filipina kerana Sulu adalah sebahagian daripada Filipina. Tuntutan Filipina ini tidak dilayan kerajaan British dan dalam satu perundingan antara Britain dengan Filipina yang telah diadakan sebelum Malaysia ditubuhkan, Britain menolak tuntutan Filipina itu.

Tunku telah mengadakan lawatan muhibah ke Sabah, Sarawak dan juga Brunei bagi memberi penerangan sepenuhnya mengenai konsep Malaysia dan tujuan penubuhan Malaysia. Begitu juga pungutan suara dijalankan di setiap negeri bagi meninjau penerimaan rakyat negara masing-masing mengenai penubuhan Malaysia.

Sultan Omar Ali Sarifuddin memeranjatkan semua pihak apabila baginda membatalkan rancangan menyertai Malaysia. Perubahan itu berlaku akibat kekecewaan Sultan

Brunei disebabkan ada antara tuntutan baginda yang tidak dipenuhi. Isu penting yang menyebabkan Brunei tidak mahu menyertai Malaysia adalah berkaitan dengan soal kekananan baginda dan soal kuasa hasil minyak Brunei.

Sultan Brunei mengambil keputusan untuk tidak menandatangani Perjanjian Malaysia. Akhirnya, pemasyhuran penubuhan Malaysia dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada 16 September 1963 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Dengan penggabungan ini, ketiga-tiga negeri itu tidak lagi menjadi negeri jajahan takluk British. Walau bagaimanapun, minat Singapura untuk menyertai Malaysia tidak kekal lama. Pelbagai peristiwa dalaman berlaku yang mana peristiwa itu menimbulkan permusuhan dalaman dan juga konflik antara Singapura dengan Tanah Melayu.

Singapura keluar Malaysia 1965

Lebih kurang dua tahun selepas pembentukan Malaysia, Singapura keluar daripada Malaysia pada 1965. Antara kejayaan hasil penubuhan Malaysia ialah Sabah dan Sarawak bebas daripada penjajahan dan menjadi negara yang merdeka, ekonomi negara semakin berkembang, kestabilan politik dan keselamatan negara terjamin, perpaduan negara dapat diperkukuhkan dan yang penting Malaysia menjadi sebuah negara yang besar dan disegani oleh negara jiran yang lain sehinggalah pada masa kini. Jika tidak kerana penubuhan Malaysia, Sabah dan Sarawak mungkin menjadi negara yang berasingan dengan Tanah Melayu.

Peristiwa penubuhan Malaysia memberi pengajaran kepada bakal pemimpin pada masa akan datang agar tidak mementingkan diri dalam segala hal, tetapi sebaliknya kepentingan semua pihak perlu diambil kira. Ini dapat dilihat pemimpin Tanah Melayu pada waktu itu tidak mementingkan diri, sebaliknya kekayaan hasil bumi dikongsi bersama dengan negara jiran yang lain dan pada masa yang sama untuk menolong negara yang miskin.

Kesimpulannya, untuk membentuk negara Malaysia seperti yang wujud pada hari ini bukanlah satu perkara yang mudah. Ia perlu melalui proses yang panjang dan terpaksa melalui pelbagai halangan dan rintangan. Generasi muda perlu menghargai dan perlu memastikan keamanan dan kesejahteraan negara ini kekal sampai bila-bila.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP)



**HASNAH
HUSSIN**

hasnah@ump.edu.my